


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025



Penurunan Had Umur Mengundi ke 18 Tahun: Cabaran dan Harapan

Akmal Hisham Abdul Rahim

Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi

Pada 16 Julai 2019, Dewan Rakyat Malaysia telah meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 iaitu menurunkan had umur mengundi, umur minimum layak menjadi ahli Dewan Rakyat; dan pendaftaran pengundi automatik kepada 18 tahun. Sebelum ini had minimum umur adalah 21 tahun dan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) jika ingin menjadi pengundi. Yang lebih menarik, 211 Ahli Dewan Rakyat telah bersetuju manakala 11 Ahli Dewan Rakyat tidak hadir. Ini menunjukkan bahawa Parti Kerajaan dan Parti Pembangkang boleh bersetuju dan bersepakat untuk perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Secara peribadi saya kurang bersetuju dengan menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Kerana kategori umur ini masih belum bersedia dan kurang kesedaran tentang cara mengundi serta kepentingan sistem demokrasi melalui pilihan raya. Cuba kita lihat kategori umur ini yang berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti awam. Pilihan Raya Kampus (PRK) adalah acara tahunan mahasiswa memilih pemimpin mereka melalui proses pilihan raya. Pada tahun 2019, peratusan keluar mengundi di Universiti Malaya sahaja hanyalah 61.2 peratus. PRK di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pula pada tahun 2012, peratusan keluar mengundi hanya 43 peratus. Manakala PRK di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula pada tahun 2011 hanya 50.06 peratus!

Golongan muda yang berumur 18 hingga 24 tahun inilah yang berada di universiti merupakan golongan cerdik pandai yang bakal menerajui barisan kepimpinan negara kelak. Sekiranya kesedaran tentang sistem demokrasi, politik dan pilihan raya kampus pun sudah mengecewakan, apakah mereka sudah bersedia untuk benar-benar menjadi Ahli Parlimen di dalam badan perundangan kelak dengan pindaan perlembagaan 2019 yang lalu?

Tindakan menurunkan had umur layak mengundi kepada 18 tahun adalah tindakan yang popular walaupun reformasi ini

merupakan sebahagian daripada Manifesto Pakatan Harapan. Kenapa ianya tindakan popular? Ahli politik memerlukan isu atau perkara yang ‘hype’ agar terus dijadikan isu utama dalam berita dan media sosial. Apatah lagi kelompok ini mempunyai jumlah yang besar dan berpotensi menentukan kemenangan kepada mana-mana parti politik dalam pilihan raya umum.

Pengalaman mengajar di IPTA menunjukkan bahawa peratusan pelajar keluar mengundi adalah rendah. Contohnya di sebuah IPTA pada tahun 2018, jumlah mahasiswa di kampus yang turun mengundi hanya mencatatkan 40 peratus sahaja! Justeru Pengurusan Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) terpaksa menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan mahasiswa keluar mengundi termasuklah seperti memberikan kupon kolej, makanan percuma, mendapat markah lebih untuk subjek tertentu dan pelbagai cara lagi. Tujuannya adalah bagi memastikan mahasiswa menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi dan dengan cara ini peratusan mahasiswa mengundi akan meningkat.

Hakikatnya, mahasiswa kurang didedahkan dengan kepentingan mengundi dalam PRK dan tanggungjawab sebagai pengundi. Ketika di sekolah menengah, tiada subjek atau modul yang khusus mengenai pendidikan sivik. Sebab itu mahasiswa keluar mengundi

disebabkan insentif dan bukan atas sebab kesedaran. Justeru jangan kita menyalahkan budaya politik di luar apabila orang ramai keluar mengundi disebabkan menerima duit saku, tiket bas dan sebagainya.

Natijahnya di kampus pula apabila kesedaran yang tidak betul diberikan kepada mahasiswa di universiti, maka calon yang menang selalunya yang kacak dan cantik! Oleh itu, sebenarnya kita telah memulakan langkah mendidik demokrasi di kampus dengan langkah yang pincang dengan mengajar mereka bahawa jika kamu mengundi, kamu akan mendapat ‘habuan’ dan ‘insentif’. Ini merupakan budaya politik yang tidak sihat sama sekali.

Selain itu juga kita melihat kemerosotan secara mendadak penglibatan mahasiswa universiti yang menyertai persatuan di dalam kampus. Jika dibandingkan jumlah keseluruhan mahasiswa di universiti dengan jumlah mahasiswa yang menyertai persatuan-persatuan di kampus maka jumlah penyertaan mahasiswa ini tidak pun mencecah 10 peratus. Jumlah majoriti mahasiswa lebih selesa menjadi peserta atau tidak terlibat dengan apa-apa persatuan.

Jika acara berbentuk hiburan dan sukan pasti ramai akan menyertai. Sekiranya melibatkan selebriti dan berbayar, dewan pasti akan dipenuhi dan mudah untuk membuat keuntungan besar. Jika berbentuk ilmiah, wacana dan bengkel, tidak ramai yang ingin menyertai. Walaupun mengundang tokoh akademik, intelektual dan tidak berbayar kepada peserta, acara sebegini sangat dingin sambutannya di kalangan mahasiswa.

Selepas tamat SPM (umur 17 tahun), belia akan memasuki tiga fasa kehidupan iaitu IPTA/S, Politeknik (Teknikal) atau bekerja terus. Yang pasti hanya sebahagian kecil sahaja yang akan meneruskan ke IPTA/S. Ramai yang akan memasuki Politeknik dan selebihnya bekerja terus. Apakah tahap kesedaran politik pada umur sebegini? Cuba kita lihat adik-beradik, saudara atau jiran kita yang masih bersekolah. Apa isu yang selalu mereka bincang sesama sendiri? Kajian oleh UKM menunjukkan bahawa ramai pengundi muda tidak memahami sepenuhnya peranan wakil rakyat, dan lebih tertarik kepada personaliti atau gaya calon berbanding dasar atau manifesto yang dibawa oleh calon. Dalam PRU15, terdapat peningkatan penyebaran maklumat palsu di TikTok, yang menjadi platform utama kempen politik kepada belia. Ini menyebabkan ramai membuat keputusan berdasarkan maklumat tidak benar.

Bagaimanakah tahap kesedaran dalam kalangan generasi ini diukur? Kebanyakan kajian menunjukkan kesedaran politik dalam kalangan generasi muda berumur di antara 18 hingga 25 tahun sangat rendah. Institut Darul Ehsan (IDE) secara khusus menerusi kajiannya pada Ogos 2019, 25% daripada responden lebih cenderung kepada insentif dalam bentuk hiburan ataupun ganjaran kewangan. Persoalannya; apakah pertimbangan generasi muda sekiranya hak mengundi ini diberikan kepada mereka? Persoalan ini penting kerana ia akan mempengaruhi bagaimana individu ataupun organisasi politik mengatur orientasi mereka untuk mendapatkan sokongan dalam kalangan generasi muda.

Beberapa kajian mengenai kesedaran politik belia menunjukkan pada peringkat umur sebegini kesedaran adalah kurang. Umur sekitar 18 ke 26 lebih cenderung kepada aktiviti hiburan dan kesenangan. Golongan ini juga mudah untuk dimanipulasi oleh ahli politik. Ramai yang berkata kita turunkan umur 18 kerana ikut model negara barat. Di barat, ekonomi mereka maju dan kos hidup mereka agak mewah. Berbanding dengan negara Malaysia, taraf kehidupan kita kurang mewah. Golongan B40 dan M40 menerima kesan paling teruk jika berlaku krisis ekonomi.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.